

07 DISEMBER 2017

Ganja dalam longgokan hadiah

Pengantin baru naik pelamin minggu lalu diberkas polis di Batu Pahat

Ganja dalam longgokan hadiah

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI



SEBAHAGIAN daripada 24 ketulan ganja mampat bernilai RM72,000 yang berjaya dirampas polis di dalam bilik pasangan pengantin baharu di Sungai Dulang Darat Rengit, Batu Pahat kelmarin.

BATU PAHAT – Sepasang pengantin yang baru sahaja melangsungkan kenduri perkahwinan minggu lalu ditahan selepas polis menemui 23.7 kilogram (kg) ketulan ganja mampat dianggarkan bernilai RM72,000 di dalam bilik mereka di Sungai Dulang Darat Rengit, dekat sini kelmarin.

Pasangan berusia 26 dan 24 tahun yang baru sahaja mendirikan rumah tangga Oktober lalu itu ditahan bersama 24 ketulan ganja mampat yang ditemui di dalam tiga kotak berasingan bersama longgokan hadiah perkahwinan mereka.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Abdul Wahib Musa berkata, pasangan terbabit baru sahaja mengadakan majlis resepsi mereka minggu lalu di kediaman pengantin lelaki.

Katanya, dalam serbuan itu juga polis menahan dua lagi suspek iaitu adik perempuan dan sepupu pengantin lelaki yang berusia 24 dan 23 tahun kerana



KAWASAN Kampung Sungai Dulang Darat Rengit dekat Batu Pahat.

dipercayai terlibat dalam kes terbabit.

“Siasatan awal mendapati pengantin lelaki adalah suspek utama dan ketua sindiket Geng Doyok yang aktif mengedar ganja sejak tujuh bulan lalu untuk pasaran daerah ini dan Pontian,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Abdul Wahib berkata, ujian saringan air kencing mendapati pengantin lelaki yang juga pemandu lori serta sepupunya turut positif dadah, namun keempat-empat mereka tiada sebarang rekod kesalahan lampau.

“Dalam serbuan itu, polis turut

merampas sebuah kereta Proton Wira dan wang tunai RM300 milik suspek utama. Kita dalam usaha mengesan akaun milik kesemua suspek untuk tindakan lanjut,” katanya.

Abdul Wahib berkata, kesemua suspek ditahan reman seminggu sejak semalam sehingga Isnin depan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

“Bekalan ganja itu dipercayai diseludup sindiket berkenaan dari Thailand dan diedarkan di Batu Pahat,” katanya.

INFO Pengantin dadah

● 6 Januari 2017 - Sepasang kekasih berusia 34 dan 24 tahun yang bakal melangsungkan perkahwinan ditahan polis selepas dipercayai terlibat dalam sindiket pengedaran dadah di sebuah kondominium di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur

● 29 Mac 2015 - Seorang pekerja kilang berusia 22 tahun ditahan di Jalan Tunku Mohd Asaad, Kulim, Kedah kerana memiliki dadah dengan alasan menjualnya bagi mencukupkan wang hantaran perkahwinannya

● 21 November 2014 - Seorang bakal pengantin berusia lingkungan 20-an yang dijangka melangsungkan perkahwinan adalah antara yang ditahan dalam operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi di Kilometer 357, Jalan Raub-Bentong, Pahang